

Tambahan dana RM500,000 tingkatkan prasarana OKU UMS

UB 09.03.2023 P.06

KOTA KINABALU: Tambahan dana RM500 ribu diluluskan untuk meningkatkan prasarana mesra Orang Kurang Upaya (OKU) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor berkata dalam memberikan keselesaan kepada pelajar OKU, UMS telah menyediakan blok OKU lelaki dan perempuan di Kolej Kediaman Tun Fuad yang dilengkapi kemudahan infrastruktur dan aksesibiliti yang bersesuaian untuk golongan tersebut.

“Selain itu, Pusat Pengurusan Orang Kurang Upaya (PPOKU) bersama Jabatan Pembangunan dan Penyelegaraan (JPP) juga telah mengenal pasti beberapa lokasi yang diperlukan bagi

melengkapi kemudahan berkenaan di sekitar kawasan kampus.

“UMS juga dalam usaha menyediakan kemudahan mesra OKU di masjid yang mana PPOKU dan JPP telah mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM550 ribu tahun lepas untuk tujuan pembinaan lif dan kini dalam proses pemilihan pembekal yang bersesuaian,” katanya berucap dalam Majlis Amanat Naib Canselor 2023 di Dewan Bankuasi UMS, pada Selasa.

Beliau juga menyentuh beberapa perkara lain antaranya Malaysia MADANI dalam konteks UMS, sokongan terhadap 11 azam yang digarisikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, keterampilan penyelidikan, penyelidikan dan pengkomersilan, mak-

mal hidup, kecemerlangan akademik serta kesejahteraan warga UMS.

Seramai 200 kakitangan terdiri daripada ketua-ketua jabatan, ketua pentadbiran, pegawai, kakitangan pelaksana, pelajar dan wakil kesatuan sekerja hadir ke majlis berkenaan.

Hadir sama Ahli Lembaga Pengarah UMS, Datuk Vincent Pung, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Ir. Dr. Rosalam Sarbatly dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Raman Noordin.

Pada majlis sama, Kasim turut melancarkan buku elektronik Jabatan Pendaftar UMS bertajuk ‘ebook: Panduan Pekerja UMS.

— Penerangan



LANCAR: Kasim (kiri) menyentuh skrin sebagai simbolik pelancaran buku elektronik Jabatan Bendahari UMS diiringi Pendaftar UMS, Luqman Ridha.